

## NAMA HARAM TAPI PRODUK HALAL: PANDANGAN DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG MALAYSIA DAN HUKUM ISLAM

### HARAM NAME FOR HALAL PRODUCT: A VIEW FROM THE PERSPECTIVE OF MALAYSIAN LAW AND ISLAMIC LAW

<sup>i</sup>Mohd Farhan Md Ariffin, <sup>ii</sup>Nurul Syhadah Mohamad Riza, <sup>iii</sup>Mohammad Naqib Hamdan,  
<sup>iiii</sup>Mohd Shahril Nizam Md Radzi, <sup>v</sup>Nur Najwa Hanani Abdul Rahman & <sup>iv,\*</sup>Mohammad Fahmi Abdul Hamid

<sup>i</sup>Pusat Kajian al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Malaysia  
<sup>ii</sup>Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia  
<sup>iii</sup>Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia & Perbandingan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia  
<sup>iv</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [fahmihamid@uitm.edu.my](mailto:fahmihamid@uitm.edu.my)

#### Article history:

Submission date: 31 Aug 2023  
Received in revised form: 7 Dec 2023  
Acceptance date: 28 Dec 2023  
Available online: 16 April 2024

#### Keywords:

Labeling, Halal Products, Halalan Tayyiban, Branding, Shariah Compliant

#### Funding:

Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2023-030), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### Cite as:

Md Ariffin, M. F., Mohamad Riza, N. S., Hamdan, M. N., Md Radzi, M. S. N., Abdul Rahman, N. H., & Abdul Hamid, M. F. (2024). Nama haram tapi produk halal: Pandangan dari perspektif undang-undang Malaysia dan hukum Islam: Haram name for halal product: A view from the perspective of Malaysian law and Islamic law. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 157–173.  
<https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no1.541>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my).

#### ABSTRACT

The nomenclature of a subject matter represents the inherent characteristics and attributes of an item. In the context of the food sector, there exists a strong correlation between the name and commercial impact of a particular product. The choice of the name of a product names is significant for purposes of branding and marketing. Nevertheless, some parties combine illegal and permissible elements in the process of choosing product names, such as “hotdog”, “beer”, and others. The combination of brand names for halal products has become a subject of contention among Muslim scholars and customers, due to the ambiguity surrounding their halal status. This study examines the legal and Islamic implications of associating a halal product with a name that imputes prohibited elements from the perspective of the evidences found in al-Quran and hadith and the country's halal regulatory framework and the Shariah as a whole. Library research and content analysis are employed as methodologies to obtain relevant information on the subject matter of this research. The results of this study indicate that the definition of halal, as outlined in the halal legislation of this country is limited and is only restricted to food ingredients, products and services. Further, there exists a loophole in the powers conferred upon the relevant agencies to ascertain the suitability of the nomenclature to be in accordance with the principles of the Shariah, thereby ensuring adherence to the concept of *halalan tayyiban* in its entirety for each halal product.

## ABSTRAK

Nama melambangkan identiti sesuatu benda. Dalam industri makanan, hal ini sangat berkait rapat dengan pengaruh komersial bagi satu-satu produk. Berikutan itu, pemilihan nama produk penting bagi tujuan penjenamaan dan pemasaran. Walau bagaimanapun, terdapat pihak yang menggandingkan unsur-unsur haram dan halal dalam pemilihan nama produk seperti *Hotdog*, *Beer* dan sebagainya. Penggabungan nama seperti ini bagi produk halal menjadi pertikaian dalam kalangan ulama dan pengguna kerana mendatangkan kekeliruan terhadap status halalnya. Sehubungan dengan itu, kajian ini membahas status penamaan sesuatu produk halal yang digandingkan dengan nama yang mempunyai unsur haram dari perspektif kerangka nas al-Quran dan hadis, perundangan halal negara dan hukum Islam. Kajian kepustakaan dan analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian. Hasil kajian mendapati konsep halal yang ditakrifkan di bawah kerangka perundangan halal negara sangat terhad dan hanya terpakai kepada kandungan makanan, barangan atau perkhidmatan sahaja. Malahan terdapat juga kelompongan terhadap kuasa agensi yang berkaitan dalam memastikan penggunaan nama yang bersesuaian yang selari dengan prinsip syariah dalam menjamin pematuhan konsep *halalan tayyiban* secara kolektif bagi satu-satu produk halal.

**Kata Kunci:** *Penamaan, Produk halal, Halalan Tayyiban, Penjenamaan, Patuh Syariah*

### Pendahuluan

Prinsip *halalan tayyiban* merupakan konsep asas yang menjadi panduan dalam korpus pemakanan. Prinsip ini menggambarkan kriteria utama yang perlu ditekankan dalam setiap pengambilan makanan oleh setiap Muslim, iaitu halal dan *tayyib*. Halal merupakan hukum yang telah ditetapkan dalam syariat Islam seperti mana telah dijelaskan secara nyata dalam al-Quran dan Hadis Nabawi. Manakala *tayyib* merangkumi aspek yang lebih luas, meliputi pelbagai cabang dalam pembuatan, pemprosesan, penyediaan, pembungkusan, logistik hatta dalam kerangka penamaan produk (Ariffin *et al.*, 2023).

Dalam perbincangan ini, kajian menumpu kepada konteks penamaan produk halal dari perspektif *halalan tayyiban*. Hal ini kerana isu pelabelan makanan halal berkait rapat dengan aspek *tayyib* sekali gus melengkapi konsep *halalan tayyiban*. Aspek penamaan sesuatu produk mempunyai kaitan yang rapat dengan syiar agama Islam dan pemakanan pengguna Muslim secara tidak langsung. Sehubungan dengan itu, penggunaan dan pemilihan nama yang tidak selari dengan syariat Islam boleh menyumbang kepada salah faham dalam kalangan masyarakat (Ramli *et al.*, 2015)

Beberapa kekeliruan seringkali berlaku dalam kalangan pengguna Muslim ketika mendapatkan makanan, minuman dan barangan yang berada dalam pasaran tempatan. Istilah dan penggunaan nama yang digunakan sangat meragukan dan melibatkan jenama produk terkenal luar negara yang banyak dipasarkan di Malaysia. Sebagai contoh, *hotdog* dari segi bahasa bermaksud anjing panas yang membawa erti haiwan yang tidak halal, *bacon* bermaksud daging babi dan *beer* merujuk kepada arak. Manakala *bak kut teh* juga merujuk kepada daging babi dalam makanan tradisi masyarakat Cina. Secara prinsipnya daging babi dan anjing disenaraikan sebagai najis *mughallazah* dalam mazhab Syafie, mazhab yang menjadi pegangan utama bagi penduduk di Negara Malaysia. Begitu juga dengan pengharaman arak yang boleh memudaratkan kesihatan dan merosakkan kewarasan akal manusia.

Walaupun bagaimanapun, penamaan *hotdog* diterima secara meluas oleh masyarakat sungguhpun pada asalnya merujuk kepada makanan yang diperbuat daripada daging tidak halal. Sebaliknya masyarakat memakannya tanpa ragu atau tanpa merasa jijik kerana mereka benar-benar mengetahui bahawa tidak wujud daging anjing dalam kandungannya, tidak seperti mana nama yang diberi. Bahkan makanan segera ini sudah menjadi makanan kegemaran kanak-kanak dan ianya antara tarikan dalam kebanyakan pasaran penaja samada di peringkat sekolah mahupun pasaran luar. Dalam hal ini, hanya perkataan (penggunaan nama) bagi produk makanan tersebut yang merujuk kepada benda haram, namun kandungannya ternyata halal. Artikel ini menjelaskan aspek pelabelan secara mendalam agar salah faham yang berkaitan dapat dirungkai sekali gus membangkitkan kepekaan masyarakat terhadap isu ini.

## Sorotan Literatur

Bagi seorang Muslim, pengambilan makanan halal adalah syarat asas gaya hidup Islam yang perlu dipatuhi (Jamal, Ahmad & Juwaidah Sharifuddin, 2015). Rentetan itu, perbincangan halal telah meluas dan masyarakat juga mulai cakna dengan status halal makanan harian yang diambil. Perbincangan berkaitan dengan halal ini juga semakin mendapat perhatian bukan sahaja di Malaysia tetapi ia juga telah berkembang secara global (Ab Halim & Mohd Salleh, 2020; Roslin, U. H., Razali, M. F. A., Mohd Ghazali, M. I., & Baharuddin, A. S., 2022). Namun begitu, perbincangan aspek *tayyib* masih belum dibincangkan dan diceburi secara terperinci kerana cakupannya yang luas. Hal ini kerana terdapat pelbagai produk halal di pasaran namun belum tentu semua produk tersebut memenuhi aspek *tayyib* sama ada dari aspek kualiti, kebersihan, kesihatan, pelabelan ataupun pembungkusan (Ariffin, 2019; Mohd Fadzli, S. D. N., Wan Harun, M. A., Baharuddin, A. S., & Reza Adnan, M. R. A., 2021).

Salah satu aspek *tayyib* yang perlu dibincangkan ialah isu berkaitan penamaan produk ketika proses pemasaran (Osman et al., 2020) yang perlu ditekankan dalam piawaian *halalan tayyiban* (Abdul Raufu Ambalia & Ahmad Naqiyuddin Bakar, 2014). Selain daripada aspek kandungan bahan halal dan kebersihan proses penyediaan, isu penamaan produk juga menjadi salah satu aspek yang dititikberatkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam pensijilan halal (Abdul Raufu Ambalia & Ahmad Naqiyuddin Bakar, 2014). Hal ini kerana, penamaan produk merupakan cabang dalam aspek *tayyib* yang menjadi kriteria utama dalam pemilihan makanan.

Realitinya, isu penamaan produk halal telah dibahaskan secara meluas. Namun, masyarakat Malaysia masih kurang peka berkaitan isu ini. Terdapat beberapa rekod kes yang timbul berkenaan penggunaan nama produk makanan tidak patuh syariah. Hal ini bukan hanya melibatkan Malaysia, malah dibincangkan di peringkat antarabangsa. Di Malaysia, isu ini mula hangat diperkatakan dalam kalangan masyarakat bermula tahun 2016 apabila isu ini menjadi topik utama di siaran akhbar dan media sosial sehingga tersebar luas ke luar negara. Bukan sahaja isu penamaan *hotdog*, malah isu ini dikaitkan dengan penamaan "*Pretzel Dog*" keluaran Auntie Anne (Sirajuddin Suhaimee, 2016), serta "*Coney Dog*" dan "*Root Beer*" keluaran A&W (Radar Bangka, 2016).

Bagi menangani hal ini, pihak JAKIM (2014) tampil memberi penjelasan bahawa penamaan yang mempunyai unsur haram adalah dilarang sejak dahulu dan telah termaktub dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia sejak diperkenalkan pada tahun 2014. Penamaan produk keluaran A&W yang berunsurkan nama haram seperti "*Coney Dog*" dan "*Root Beer*" juga telah lama dilarang bermula semenjak 2009. Berikutan itu, syarikat berkenaan telah menukar nama produk tersebut kepada nama lain iaitu "*Chicken Coney*", "*Beef Coney*" dan "*RB*" (MyEhwal, 2016) Begitu juga, dalam menangani isu penamaan produk roti keluaran Auntie Anne, pihak JAKIM bersemuka dengan wakil syarikat berkenaan untuk mengadakan perbincangan dan membuat rundingan berkaitan isu ini. Hasilnya, produk yang berasaskan sosej keluaran syarikat tersebut ditukar daripada "*Pretzel Dog*" kepada "*Pretzel Sausage*" demi mendapatkan pensijilan halal (Sirajuddin Suhaimee, 2016).

Isu ini juga terjadi di luar negara khususnya negara Indonesia. Isu penggunaan nama haram bagi produk makanan tular kerana mempunyai kaitan dengan pensijilan halal dan secara tidak langsung membawa kepada wujudnya salah faham terhadap agama Islam. Terdapat contoh penamaan produk makanan di Indonesia seperti Rawon Setan, Es Pocong, Bakso Tuyul, Bakso Laknat dan Sambel Neraka yang tidak mempunyai sijil halal dan mempunyai unsur yang tidak baik secara jelas (Riana Prastiwi, 2022). Semua contoh nama produk ini merupakan makanan halal tetapi diberi nama secara semberono demi melariskan produk jualan tanpa melihat kepada sensitiviti agama.

Walau bagaimanapun, isu penamaan ini mencapai kemuncak apabila melibatkan produk makanan yang tidak memohon pensijilan halal. Pada tahun 2017, Malaysia pernah digemparkan dengan perniagaan Nasi Lemak Pondan dan Gay. Jualan nasi lemak yang tular dalam kalangan masyarakat sehingga diberi tanda pagar #NasiLemakPondan diusahakan oleh seorang lelaki transgender yang berlagak (menyerupai) seperti seorang perempuan. Dalam satu sesi temu bual yang dilaporkan, beliau menyatakan:

“Bagi saya, pondan itu sekadar nama. Saya mahu mengubah persepsi masyarakat bahawa bukan semua pondan itu menjual diri atau melakukan maksiat. Tetapi mereka juga mahu menjadi seperti orang lain yang mencari sumber pendapatan halal, misalnya saya menjual nasi lemak.”

(Jojie, 2017)

Manakala jualan Nasi Lemak Gay pula menggunakan perkataan Gay yang berlatar belakangkan bendera pelangi yang menjadi simbolik kepada golongan pendokong ideologi LGBT (Aswad Shuaib, 2017). Lebih pelik lagi aneh, perniagaan yang menjual makanan dengan nama-nama yang sedemikian mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan masyarakat. Orang ramai sanggup beratur panjang bagi membeli dan mencuba produk yang telah tular secara meluas dalam media sosial tanpa mempertikaikan penggunaan nama produk makanan yang dijual. Hal ini memberi indikator bahawa masyarakat di Malaysia masih kurang peka mengenai aspek penamaan produk makanan halal seperti mana yang telah digariskan oleh syariat Islam dan pihak berkuasa JAKIM. Dalam memastikan memperoleh pensijilan halal Malaysia, penamaan produk makanan hendaklah dinamakan dengan nama yang sesuai. Penggunaan jenama yang sama bagi produk halal dan tidak halal menyebabkan gagal memperoleh kelulusan sijil halal (JAKIM, 2014). Logo halal atau sijil halal pada produk makanan menandakan makanan tersebut telah menepati prinsip sebenar *halalan tayyiban* (Maifiah *et al.*, 2022).

Minda masyarakat Malaysia terutamanya dalam kalangan orang Melayu mungkin mudah menerima penggunaan nama seperti ini disebabkan terdapat nama makanan tradisi yang dihubungkan dengan unsur yang kotor. Contohnya ialah kuih tahi itik dan tahi minyak yang terhasil daripada santan kelapa yang dimasak. Walaupun begitu, kedua-dua jenis kuih ini tidak mempunyai kaitan langsung dengan sebarang najis, mungkin pada rupa bentuk dan nama sahaja. Sungguhpun demikian, hal ini tidak boleh dipandang ringan kerana tidak semua bahan yang digunakan boleh dilihat. Banyak barangan terutama yang melibatkan bahan ramuan yang tidak dapat dilihat dipandang enteng oleh pengeluar dan pengusaha makanan kerana ia hanya menjadi sebahagian kecil daripada komponen dalam satu-satu produk. Sedangkan Islam sangat menitikberatkan semua perihal yang melibatkan makanan bermula daripada sumber, kandungan dan proses penghasilannya sebelum sampai kepada pengguna. Oleh itu, pihak berautoriti khususnya JAKIM berusaha meletakkan syarat penamaan produk yang baik dalam pensijilan halal bagi mengaplikasikan syariat Islam dalam segenap aspek pemakanan.

Bukan itu sahaja, pembaharuan masa hadapan yang boleh dilakukan daripada kajian ini adalah untuk menangani salah guna nama dan logo halal pada produk-produk makanan halal. Walaupun pihak JAKIM telah mengeluarkan panduan penamaan produk tetapi ia hanya tertakluk pada produk yang memperoleh sijil halal dan bukan pada produk keseluruhannya.

### Metodologi Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada penggunaan strategi bagi pengumpulan data bagi mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Robson (2011) menyatakan bahawa pemilihan metodologi kajian adalah berdasarkan kepada jenis maklumat yang hendak dicari, dari siapa maklumat tersebut diperoleh dan dalam keadaan apa ia dipilih. Dalam kajian ini teknik pengumpulan dan analisis kandungan dokumen telah digunakan. Menurut Creswell (2009), analisis kandungan dokumen adalah salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif. White dan Marsh (2006) pula menyatakan analisis kandungan dokumen sebagai metodologi kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks atau bahan lain bagi konteks yang diguna. Analisis kandungan dokumen adalah metode saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Data kualitatif yang dikumpul perlu ditukar sama ada mengguna kaedah analisis atau interpretasi (Wolcott, 2009). Analisis kandungan dokumen bersifat saintifik kerana melibatkan prosedur khusus bagi memerhati, mengukur dan menyampaikan data yang secara umumnya difahami dan diterima dalam pengkaji sains sosial (Krippendorff, 2004). Oleh itu, kajian ini menggunakan pengumpulan dan analisis dokumen untuk menganalisis isu penamaan produk halal dari perspektif *halalan tayyiban*. Dalam pengumpulan data, prosedur tertentu dipraktikkan bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian. Di samping itu, pemilihan rujukan sepanjang melaksanakan kajian ini adalah daripada pelbagai sumber yang dipercayai termasuk jurnal artikel, akhbar harian dan lain-lain. Kajian ini adalah berasaskan

kepada analisis kandungan dokumen yang bertujuan menganalisis isu penamaan produk halal dari perspektif *halalan tayyiban*. Dalam pemilihan isu, perlu ditegaskan bahawa skop kajian memfokuskan analisis terhadap aspek penamaan produk halal sahaja.

### **Kerangka Perundangan Malaysia Berkaitan Halal**

Di dalam membincangkan isu ini, Undang-Undang Malaysia juga telah menyentuh berkaitan pelabelan, atau penamaan makanan, bagi memastikan dan menjamin keselamatan makanan serta mengelakkan kekeliruan dikalangan pengguna.

#### ***Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985***

Akta Makanan 1983 adalah sebuah akta yang digubal bagi mengawal selia industri makanan negara. Akta ini di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengawal penyediaan makanan, pelabelan sehinggalah penjualan makanan.

Berhubung dengan isu yang dibincangkan, terdapat beberapa peruntukan di dalam akta ini yang boleh diberi perhatian antaranya adalah Seksyen 16 Akta Makanan 1983 yang menyatakan:

Mana-mana orang yang menyediakan, membungkus, melabel atau menjual apa-apa makanan dengan suatu cara yang palsu, mengelirukan atau memperdayakan berkenaan dengan sifat, jenis, nilai, bahan, kualiti, komposisi, merit atau keselamatan, kekuatan, ketulenan, berat, asal-usul lama atau bahagian kandungannya atau bersalahan dengan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda atau kedua-duanya’.

Peruntukan ini bermaksud, larangan bagi seseorang itu dilarang untuk menyediakan, membungkus dan melabelkan serta menjual makanan dengan salah, mengelirukan dari aspek karakter, nilai, kandungan dan keaslian makanan tersebut.

Seksyen 17 (d) Akta yang sama juga memperuntukkan berkaitan larangan iklan secara langsung atau tidak langsung yang mengelirukan, dan memperdaya pembeli berhubung sifat bahan, kandungan dan jujuknya. Selain daripada larangan yang diperuntukkan di bawah seksyen di atas, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009 yang digubal di bawah Akta ini juga menyentuh berkaitan proses pelabelan, seperti bahasa yang digunakan, kandungan, tarikh dan sebagainya.

#### ***Akta Perihal Dagangan 2011***

Akta Perihal Dagangan 2011 digubal bagi menggalakkan amalan perdagangan berkaitan barangan mahupun makanan. Akta ini telah menyentuh aspek produk halal seperti mana yang telah dinyatakan di dalam subsidiarinya iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrifan Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Melalui Perintah Perihal Dagangan (Takrifan Halal) 2011, kewajipan untuk memastikan setiap makanan, barangan atau perkhidmatan yang menggunakan perkataan halal atau apa-apa perkataan yang menunjukkan ianya boleh dimakan oleh orang Islam tidak mengandungi apa-apa bahan yang dilarang oleh hukum syarak dan tidak memabukkan dan disembelih dengan mematuhi hukum syarak. Selain itu, penekanan juga diberi kepada mana-mana perkhidmatan berkaitan makanan dan barangan tidak boleh dinyatakan sebagai halal atau diperihalkan dengan cara lain yang boleh mengelirukan orang Islam.

Seksyen 29 Akta Perihal Dagangan 2011 memberikan kuasa kepada menteri untuk menamakan mana-mana pihak berkuasa bagi memperaku, menanda dan membekalkan persijilan halal. Melalui peruntukkan ini juga, Menteri telah mengeluarkan Perintah Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 telah memberi kuasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri untuk mengeluarkan sijil halal di Malaysia.

### ***Ketetapan Pensijilan Halal Malaysia***

Dalam penetapan nama produk halal, nama-nama yang berunsurkan perkara haram seperti anjing, arak, babi dan seumpamanya adalah dilarang oleh pihak berautoriti. Hal ini dinyatakan secara jelas dalam manual prosedur pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM pada tahun 2014. Justeru itu, bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk memohon pensijilan halal JAKIM perlu memastikan setiap syarat yang meliputi aspek halal dan *tayyib* dipatuhi sepenuhnya. Pensijilan halal yang diperkenalkan pada tahun 1974 mengambil kira aspek perundangan, keselamatan, kebersihan, dan kualiti yang bertujuan untuk menjaga kepentingan pengguna (Zainuddin *et al.*, 2024).

Dalam amalan sedia ada, permohonan pensijilan halal Malaysia merupakan pilihan syarikat-syarikat pengeluar produk makanan di Malaysia. Pengesahan pensijilan halal berupaya merangsang dan menjadi nilai tambah kepada pihak industri dari sudut menambah kepercayaan pengguna terhadap sesuatu produk. Hal ini kerana, di samping pensijilan halal JAKIM mendapat pengiktirafan antarabangsa, pensijilan ini memenuhi piawaian *halalan tayyiban*.

Dalam hal ini, JAKIM telah menetapkan syarat-syarat ketat yang perlu dipenuhi pengusaha sebelum mendapat pensijilan halal. Syarat-syarat yang ditetapkan bukan sahaja merangkumi aspek halal malah mengambil kira aspek *tayyib*. Penetapan syarat yang merangkumi kedua-dua aspek ini bertujuan untuk menjamin integriti *halalan tayyiban* bagi sesuatu produk termasuk aspek penamaan produk. Bagi permohonan sijil halal, pihak JAKIM tidak akan memberikan sijil halal kepada mana-mana produk yang mengandungi nama yang boleh menyebabkan salah faham dan menimbulkan keraguan terhadap konsep halal itu sendiri.

Demikian ini dinyatakan secara jelas dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, perkara 6 (7) di mana salah satu permohonan yang tidak layak memohon pensijilan halal ialah:

“Penggunaan nama syarikat, produk, menu dan jenama yang merujuk kepada dengan produk tidak halal atau sinonim atau menyerupai dengan produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bacon, beer, rum, hot dog dan seumpama dengannya.”

(Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik), 2020)

Kesalahan aspek penamaan produk dikategorikan sebagai ketidakakuran major dan disebut di dalam perkara 32 (2)(i) seperti berikut:

“Ketidakakuran berkaitan penggunaan nama syarikat, produk, menu, jenama, label yang merujuk kepada produk tidak halal atau sinonim atau menyerupai produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan dan menyebabkan kebarangkalian berlaku penyelewengan akidah, khurafat dan penipuan. (Contoh: penggunaan nama produk bak kut teh dan produk air jampi).”

(Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik), 2020)

Ketidakakuran ini melibatkan penggunaan nama syarikat, produk, menu, jenama atau label yang boleh membawa kepada kekeliruan, berpotensi menyebabkan penyelewengan akidah, khurafat dan penipuan. Pihak JAKIM yang bertanggungjawab dengan isu ini telah mengambil inisiatif menyekat sebarang usaha yang menyalahi prinsip *halalan tayyiban* dengan menetapkan syarat-syarat penamaan produk di dalam manual *halalan tayyiban*. Hal ini bertujuan untuk menutup pintu fitnah, kekeliruan, salah faham dan kemudaratan. Oleh itu, menghindari perkara syubhah sebagai langkah pencegahan awal merupakan langkah tepat dalam jaminan makanan *halalan tayyiban*.

<p><b>A</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Absinthe</li> <li>▪ Aguardiente</li> <li>▪ Akvavit/ aquavit</li> <li>▪ Ale</li> <li>▪ Amontillado</li> <li>▪ Amaretto</li> <li>▪ Angostura</li> <li>▪ Anisette</li> <li>▪ Aperitif</li> <li>▪ Aperol</li> <li>▪ Applejack</li> <li>▪ Appletini</li> <li>▪ Armagnac</li> <li>▪ Arrack</li> <li>▪ Awamori</li> </ul> <p><b>B</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Baa/ B'a</li> <li>▪ Baijiu</li> <li>▪ Bak Kut Teh</li> <li>▪ Bacon/ Bacon</li> <li>▪ Bahar</li> <li>▪ Barenfang/ Barenjager</li> <li>▪ Bellini</li> <li>▪ Benedictine</li> <li>▪ Bilibili</li> <li>▪ Bir/ Beer (Root Beer)</li> <li>▪ Bitters</li> <li>▪ Bloody Mary</li> <li>▪ Boukha</li> <li>▪ Boulevardier</li> <li>▪ Borovička</li> <li>▪ Brandi/ Brandy</li> <li>▪ Branntwein</li> <li>▪ Brennivin</li> <li>▪ Brem</li> <li>▪ Bourbon/ Bourbon</li> <li>▪ Burgundy</li> <li>▪ Burukutu</li> </ul> <p><b>C</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cabernet Sauvignon</li> <li>▪ Cachaca</li> <li>▪ Calvados</li> <li>▪ Campari</li> <li>▪ Cauim</li> <li>▪ Cava DO</li> <li>▪ Cedratine</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Chacoli</li> <li>▪ Chambord</li> <li>▪ Champagne</li> <li>▪ Char Siew/ Char Siu/ Chasu/ Cha Sio/ Chashao</li> <li>▪ Chartreuse</li> <li>▪ Chee Cheong Fun</li> <li>▪ Chica</li> <li>▪ Chimichurri</li> <li>▪ Chipolata</li> <li>▪ Chorizo</li> <li>▪ Choujiu</li> <li>▪ Claret</li> <li>▪ Cognac</li> <li>▪ Cointreau</li> <li>▪ Coney Dog</li> <li>▪ Creme de menthe</li> <li>▪ Cynar</li> </ul> <p><b>D</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Daiquiri</li> <li>▪ Dunkel/ Dunkles</li> <li>▪ Dutch Gin</li> </ul> <p><b>E</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Erguotou</li> <li>▪ Eau-de-vie</li> </ul> <p><b>F</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Feni</li> <li>▪ Fino</li> <li>▪ Framboise</li> <li>▪ Frangelico</li> </ul> <p><b>G</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Galliano</li> <li>▪ Gaoliang</li> <li>▪ Genever</li> <li>▪ Gimlet</li> <li>▪ Gin</li> <li>▪ Ginebra</li> <li>▪ Ginjinha</li> <li>▪ Glayva</li> <li>▪ Gouqi jiu</li> <li>▪ Grand Marnier</li> <li>▪ Grappa</li> <li>▪ Guaro</li> </ul> <p><b>H</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ham</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Helles/ Hell</li> <li>▪ Himbeergeist</li> <li>▪ Horilka</li> <li>▪ Hot Dog</li> <li>▪ Huangjiu</li> </ul> <p><b>J</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jägermeister</li> <li>▪ Jenever</li> <li>▪ Jiuqu</li> </ul> <p><b>K</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kahlua</li> <li>▪ Kaoliang</li> <li>▪ Kinomol</li> <li>▪ Kirsch/ Kirchwasser</li> <li>▪ Korn</li> </ul> <p><b>L</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lady in Red</li> <li>▪ Lager</li> <li>▪ Lakka/ Lakkalikööri</li> <li>▪ Lambrusco</li> <li>▪ Lihing</li> <li>▪ Likuor/ Liqueur</li> <li>▪ Lillet</li> <li>▪ Loh Bak</li> <li>▪ Lyoner</li> </ul> <p><b>M</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mai Tai</li> <li>▪ Makgeolli/ Makkoli</li> <li>▪ Malaga</li> <li>▪ Malvasia/ Malvazia</li> <li>▪ Maraschino</li> <li>▪ Margarita</li> <li>▪ Martini</li> <li>▪ Marc</li> <li>▪ Mastika</li> <li>▪ Mead</li> <li>▪ Merlot</li> <li>▪ Merisa/ Merissa</li> <li>▪ Meschkinnes</li> <li>▪ Metaxa</li> <li>▪ Mezcal</li> <li>▪ Mirin</li> <li>▪ Mojito</li> <li>▪ Moonshine</li> <li>▪ Muscadet/ Muscatel</li> </ul>	<p><b>N</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Nasih</li> <li>▪ Negroni</li> </ul> <p><b>O</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Okolehao</li> <li>▪ Old Pal</li> <li>▪ Oloroso</li> <li>▪ Orujo</li> <li>▪ Ouzo</li> </ul> <p><b>P</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Palinka</li> <li>▪ Pastis</li> <li>▪ Patxaran</li> <li>▪ Peket</li> <li>▪ Pina Colada</li> <li>▪ Pinga</li> <li>▪ Pinot Noir</li> <li>▪ Pinyin</li> <li>▪ Pito</li> <li>▪ Pisco</li> <li>▪ Pommeau</li> <li>▪ Prosecco</li> <li>▪ Pulque</li> </ul> <p><b>R</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Raki/ Rakia</li> <li>▪ Rakomelo</li> <li>▪ Retsina</li> <li>▪ Ron Miel</li> <li>▪ Rou Gu Cha/ Ro Ku Cha</li> <li>▪ Rum</li> </ul> <p><b>S</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sake</li> <li>▪ Sambuca</li> <li>▪ Sampanja</li> <li>▪ Sangria</li> <li>▪ Sassolino</li> <li>▪ Sazerac</li> <li>▪ Schnapps/ Schnaps</li> <li>▪ Scotch</li> <li>▪ Seco Herrerano</li> <li>▪ Shandi/ syandy</li> <li>▪ Shaojiu</li> <li>▪ Shochu</li> <li>▪ Siew Bao</li> <li>▪ Singani</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Šljivovica</li> <li>▪ Soju</li> <li>▪ Sonti</li> <li>▪ Sotol</li> <li>▪ Spirit</li> <li>▪ Spritz</li> <li>▪ Veneziano</li> <li>▪ Stout</li> <li>▪ Syeri/ Sherry</li> <li>▪ Southern Comfort</li> </ul> <p><b>T</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tentura/ Tintura</li> <li>▪ Tequila</li> <li>▪ Tesguino</li> <li>▪ Thwon</li> <li>▪ Todil/ Toddy</li> <li>▪ Tokaji</li> <li>▪ Tongba</li> <li>▪ Törkölypálinka</li> <li>▪ Triple Sec</li> <li>▪ Tsikoudia/ Tsipouro</li> <li>▪ Tsipouro</li> <li>▪ Tuak</li> <li>▪ Txakoli</li> </ul> <p><b>U</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Umeshu</li> </ul> <p><b>V</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Vermouth</li> <li>▪ Vin doux naturel</li> <li>▪ Vinho verde</li> <li>▪ Vinsanto</li> <li>▪ Vodka</li> </ul> <p><b>W</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Whiskey</li> <li>▪ Wine</li> </ul> <p><b>X</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Xifengji</li> <li>▪ Xa Xiu</li> </ul> <p><b>Z</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Zivania/ zivana</li> </ul>
--	---	--	--	---

**Rajah 1.** Keratan Senarai Nama dan Jenama Tidak Halal Atau Sinonim Produk Tidak Halal Atau Mengelirukan (Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, Portal Halal Rasmi Malaysia)

Berdasarkan senarai nama dan jenama tidak halal yang terdapat dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 di atas, lebih 200 contoh perkataan yang disenaraikan mempunyai unsur-unsur haram dan tidak dibenarkan penggunaannya dalam penetapan nama syarikat, produk, menu, jenama atau label. Nama-nama berikut tidak dibenarkan kerana mempunyai sangkut paut dengan sesuatu yang haram, syubhah dan mengelirukan sehingga tidak layak mendapat pengesahan sijil halal.

Berikutan itu, JAKIM tidak meluluskan sijil halal bagi pengeluar arak atau *beer* walaupun ia tidak mengandungi sebarang alkohol di samping memenuhi ketetapan halal dan telah melalui proses yang betul. Begitu juga dengan produk lain yang menggunakan nama sesuatu yang haram walaupun kandungannya halal. Tujuan penetapan syarat ini penting untuk memastikan persepsi masyarakat muslim selari dengan hukum syariat Islam yang mengharamkan arak. Begitu juga dengan pemilihan

nama *hotdog* dan *A&W root beer* yang diarahkan untuk tukar kepada sosej, *frankfurter* dan *A&W sarsaparilla* jika ingin mengekalkan pemasaran produk tersebut.

## Perbincangan

Sebagai perbandingan, terdapat perbezaan ketara berkaitan konsep halal dan pensijilan halal. Akta Perihal Dagangan 2011 hanya memfokuskan konsep halal hanya pada kandungan bahan dan perkhidmatan sesuatu barangan atau makanan, manakala konsep *halalan tayyiban* menurut perspektif Islam sangat meluas dan komprehensif meliputi pelbagai aspek bukan sahaja pada kandungan yang digunakan malahan meliputi nama yang digunakan dalam menjamin keselamatan, kebersihan serta keberkatan.

Berkaitan isu penggunaan nama haram bagi produk halal, ianya juga didapati bahawa terdapat kelompangan elemen penguatkuasaan oleh agensi berkaitan pada kerangka undang-undang halal sedia ada iaitu Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985. Hal ini adalah kerana Akta Perihal Dagangan 2011 hanya memberikan kuasa kepada JAKIM untuk mengawal selia penggunaan sijil halal oleh peniaga atau industri yang telah memohon sijil tersebut sahaja, dan tidak diperluaskan kuasanya kepada peniaga-peniaga kecil yang lain. Manakala, penguatkuasaan Akta Makanan 1983 oleh Kementerian Kesihatan pula adalah lebih menekankan aspek kandungan makanan itu sendiri. Jurang yang wujud ini menyebabkan penggunaan nama haram bagi produk halal tidak dapat dibendung oleh pihak berkuasa.

Dalam konteks Islam, nama merupakan cerminan identiti bagi setiap sesuatu. Sama seperti manusia, setiap benda mempunyai nama yang membentuk jati diri. Begitu juga halnya dengan produk makanan. Penamaan produk merupakan idea yang tercetus daripada seorang individu atau hasil perbincangan kumpulan dan penetapan nama tersebut telah dipersetujui bagi memperkenalkan sesuatu produk kepada orang ramai. Pemilihan nama sesuatu produk penting bagi meluaskan pasaran produk dalam kalangan masyarakat sekali gus melariskan jualan. Dalam pada itu, ia merupakan manifestasi roh tanggungjawab sosial pihak industri. Oleh itu, produk halal perlu mempunyai nama yang halal dan baik bagi melambangkan penjelmaan produk *halalan tayyiban*. Justifikasinya, *halalan tayyiban* merupakan aspek pertama dan utama yang perlu dititikberatkan apabila berkait dengan makanan. Dengan kata lain, dua kriteria dalam memilih makanan seperti yang telah digariskan dalam sumber wahyu ialah halal dan *tayyib*.

Walaupun penamaan sesuatu produk penting bagi tujuan penjenamaan, akan tetapi ketetapan nama produk khususnya makanan halal perlu selari dengan panduan syariah yang telah ditetapkan. Hal ini kerana isu ini menjadi salah satu cabaran dari segi pensijilan halal, di mana terdapat jenama yang tidak menonjolkan ciri-ciri Islam atau halal (Marliana Abdullah, Syaripah Nazirah Syed Ager, Nor 'Adha Abdul Hamid, Norazla Abdul Wahab, Wawarah Saidpuhin, Surianom Miskam, Farah Mohd Shahwahid, Norziah Othman, 2015; Mohd Amin, A.- 'Uyuna, & Zakaria, Z., 2021). Pengabaian aspek ini boleh membawa kepada salah faham dalam kalangan pengguna umum dan menjadikan produk tersebut kelihatan seakan-akan tidak halal. Hal ini menunjukkan bahawa aspek penamaan produk sangat berkait rapat dengan aspek *tayyib*. Aspek *tayyib* bagi makanan merupakan perbincangan yang sangat luas kerana mengambil kira semua proses dalam rangkaian makanan termasuk kebersihan bahan, cara penyediaan, kesan kepada tubuh dan juga penamaan produk. Oleh itu, setiap aspek *tayyib* perlu diberi penekanan agar tidak menimbulkan keraguan dan salah faham pada peringkat sosial.

Penggunaan nama dititikberatkan dalam membentuk persepsi sosial masyarakat menunjukkan bahawa pemilihan nama sesuatu produk sangat penting. Sebagai contoh, pengguna merasa geli untuk membeli ikan yang dikenali sebagai *Patagonian toothfish* kerana penggunaan namanya yang kurang menarik. Namun, setelah penukaran nama ikan tersebut kepada *Chilean sea bass*, kadar pembelian ikan ini dalam kalangan masyarakat dapat ditingkatkan (Sam Sommers, 2012).

Secara umum, Islam membenarkan umatnya memakan semua jenis makanan selagi makanan tersebut tidak membawa mudarat kepada manusia. Hal ini berasaskan dua kaedah fiqh iaitu kaedah *al-asl fi al-ashya' al-ibahah* bermaksud 'hukum asal sesuatu adalah harus' dan kaedah *al-asl fi al-at'imah al-hill* bermaksud 'hukum asal sesuatu makanan adalah halal'. Berikutan itu, selagi mana tiada dalil yang menjadikan sesuatu makanan itu haram seperti larangan memakan daging khinzir, meminum arak atau



kewujudan mudarat kepada manusia, maka pengambilan makanan tersebut dibolehkan. Oleh sebab itu, majoriti fatwa mengharuskan makanan ubahsuai genetik dengan meletakkan syarat ia tidak mendatangkan mudarat kepada manusia. Justeru, hukum ini boleh berubah mengikut situasi terutamanya apabila terdapat mudarat padanya (Sharif Mohd Tahir & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, 2016; Mochammad Sahid, M., & Awang, M. S. 2020).

Sehubungan dengan itu, terdapat satu kaedah fiqh berkaitan pemilihan nama menyebutkan *al-‘ibrah bi al-musammayat, la bi al-asma’* yang bermaksud sesuatu hukum bergantung kepada produk, bukan pada namanya. Justeru, berdasarkan kaedah fiqh ini, jika makanan yang mempunyai nama haram tetapi bahan yang digunakan halal, maka makanan tersebut adalah halal.

Selari dengan itu, para ulama juga membincangkan tentang hukum meminum air dengan menggunakan cawan atau botol arak dan mempercayai bahawa minuman itu adalah arak. Pada dasarnya, air tersebut dianggap halal untuk diminum jika air tersebut bersih dan tidak tercemar oleh zat-zat najis. Justeru jika air tersebut memenuhi standard kebersihan, maka dianggap halal untuk diminum. Adapun dalam kes penggunaan bekas yang mengandungi air yang haram, seperti gelas yang mengandungi zat-zat najis, maka boleh jadi ianya mempengaruhi kebersihan air dan menjadikannya tidak lagi dianggap halal. Namun, apa yang ingin diketengahkan dalam hal ini adalah, air yang diminum akan kekal sebagai air. Perbincangan hukum dalam perihal ini menumpu kepada perbuatan, niat dan percaya melakukan benda haram tersebut.

Namun begitu, Islam mempunyai prinsip yang jelas termasuk urusan penamaan produk. Hal ini kerana nama melambangkan imej dan identiti sesuatu perkara. Justifikasinya, Rasulullah SAW pernah menukarkan nama seorang perempuan kerana nama tersebut membawa maksud yang buruk. Kisah penukaran nama ini dikisahkan oleh seorang sahabat, beliau berkata:

Terjemahan: “Sesungguhnya seorang anak perempuan ‘Umar dahulunya dinamakan sebagai ‘Asiyah (perempuan yang bermaksiat), lalu Rasulullah S.A.W menamakannya sebagai Jamilah (perempuan yang cantik).”

(Sunan Ibn Majah, 2010, Kitab al-Adab, Bab Taghyir al-Asma’, Hadis: 3733)

Berdasarkan hadis ini, dapat disimpulkan bahawa Islam mengambil perhatian yang serius terhadap penamaan sesuatu.. Dalam perbincangan penamaan produk halal, para ulama bersepakat bahawa penamaan mana-mana produk yang berupaya membuka pintu mudarat atau fitnah perlu ditukar (Portal Rasmi Mufti Wilayah, 2016).

Selain daripada itu, isu penamaan produk halal ini juga boleh diselesaikan melalui rujukan nas daripada al-Quran dan hadis yang menunjukkan perbezaan antara yang halal dan haram serta batasan yang telah ditentukan Allah SWT dengan jelas antara keduanya. Antara dalilnya adalah seperti berikut:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah SWT telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atas kamu.

(Surah al-An’am, 6: 119)

Ibn Kathir (1999) menafsirkan ayat ini bahawa apa yang diharamkan oleh Allah telah diterangkan secara jelas dalam surah al-Maidah ayat 3, di mana Allah menyenaraikan makanan yang haram dimakan kecuali ketika keadaan darurat. Ayat ini juga mempunyai kaitan dengan ayat di dalam surah al-A’raf: 157:

Terjemahan: Dan dihalalkan bagi mereka segala yang baik dan diharamkan bagi mereka segala yang buruk.

(Surah al-A'raf, 7: 157)

Dalam perbincangan ayat ini, Ibn Kathir (1999) mengetengahkan pendapat beberapa ulama' yang menjelaskan hikmah di sebalik penentuan halal dan haram. Perinciannya, apa yang dihalalkan itu merupakan sesuatu yang baik dan memberi manfaat kepada individu, sebaliknya apa yang diharamkan adalah sesuatu yang buruk dan boleh mendatangkan mudarat kepada manusia, bukan kepada tubuh sahaja malah kepada agama.

Terjemahan: Sesungguhnya halal dan haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara syubhat (samar) yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Maka sesiapa yang menghindari perkara syubhat bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Sesiapa yang terjerumus dalam perkara syubhat, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan. Sebagaimana (perumpamaan) penggembala yang mengembala haiwan gembalaan di sekitar (ladang) yang dilarang untuk memasukinya, maka lambat laun dia akan memasukinya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki larangan dan larangan Allah SWT adalah apa yang Dia haramkan

(Sahih al-Bukhari, 2002, Kitab al-Iman, Bab Fadli Manistabra'a Lidinih, Hadis: 52)

Bagi menjelaskan hadis ini, Ibn Hajar al-'Asqalani (2010) menyatakan bahawa terdapat tiga pembahagian hukum iaitu halal, haram dan syubhat. Halal dan haram adalah sesuatu yang telah dijelaskan secara nyata dalam wahyu iaitu al-Quran dan Sunnah. Manakala syubhat adalah perkara samar antara halal dan haram serta perlu berhati-hati dengan perkara syubhat agar tidak melakukannya.

Berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan, tiada perbincangan yang khusus dalam aspek penamaan namun secara asasnya dalil-dalil ini menjelaskan bahawa penamaan produk halal yang berunsurkan perkara haram boleh menjerumuskan ke dalam ruang syubhat, menimbulkan kesamaran dan membuka pintu mudarat yang lebih besar. Oleh itu, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersepakat supaya pihak industri memilih nama produk yang sejajar dengan penetapan syariat Islam (Portal Rasmi Mufti Wilayah, 2016).

Namun, hukum penamaan produk halal dengan nama yang tidak baik tidak dinyatakan secara jelas. Penetapan ini hanya selari dengan syarat mendapatkan pensijilan halal yang dikemukakan oleh pihak berautoriti dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020. Sehubungan dengan itu, makanan yang berasaskan bahan halal, namun pemilihan namanya tidak elok menyebabkan badan pensijilan halal tidak dapat memberi kelulusan.

Manakala bagi penamaan produk makanan yang tidak memohon pensijilan halal, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk tidak menyokong dan melaporkan salah laku jualan produk yang sengaja mengambil kesempatan daripada hal-hal yang menjadi subjek sensitif dalam agama Islam. Mengambil contoh makanan popular di Malaysia seperti kuih tahi itik, kuih telinga keling, nasi lemak tetek, nasi lemak anjing dan lain-lain. Ia masih halal dimakan dan tidak jatuh hukum haram ke atasnya, hanya kerana *asbab* nama seperti dinyatakan dalam salah satu kaedah fiqh *al-ibratu bi al-haqaiq wa al-ma'ani la bi al-fazi wa al-mabani* yang bermaksud: Yang diambil kira adalah pada hakikat dan maknanya dan tidaklah pada lafaznya dan juga binaan luarannya" (Zaydan, 2001).

Sungguhpun begitu, perlu ditegaskan bahawa penamaan makanan-makanan tersebut tidak memenuhi keperluan *tayyib*. Dalam hal ini, al-Qaradawi (2012) dengan tegas mengharamkan sebarang bentuk penamaan yang haram kepada yang halal:

Terjemahan: Termasuk helah yang berdosa ialah menamakan sesuatu yang haram dengan sesuatu yang bukan namanya, dan mengubah bentuk walaupun hakikat dan kandungannya kekal. Tiada keraguan lagi bahawa istilah tidak mengubah hukum hanya dengan mengubah nama, dan kandungan (hakikat sesuatu itu) tidak akan berubah dengan perubahan bentuk.”

(al-Qaradawi, 2012)

Selaras dengan itu, Majelis Ulama Indonesia dan Muzakarah Fatwa Kebangsaan 1987 turut menyatakan pendirian sama yang menolak mana-mana pihak industri yang mengguna pakai nama-nama yang haram dan tidak patuh syariah, sungguhpun pada hakikatnya ia halal. Misalnya, penggunaan contoh perkataan yang menjurus kepada golongan homoseksual seperti *pondan* dan *Gay* adalah haram kerana ia bertentangan dengan Islam. Malah, penggunaan nama *pondan* dan *Gay* dalam penjualan produk makanan merupakan sindiran sinis kepada ajaran agama Islam.

Majelis Ulama Indonesia (MUI) turut mengemukakan pernyataan secara terbuka bahawa nama produk makanan yang menyentuh bab akidah seperti *iblis*, *neraka* atau *syaitan* adalah haram, manakala nama yang berkaitan akhlak atau etika seperti *ayam dada montok* adalah makruh (Iwan Supriyatna, 2019). Hal ini kerana pemilihan nama yang digunakan tidak bersesuaian dengan syariat Islam.

Justeru, pemilihan nama yang baik dan patuh syariah merupakan pematuhan aspek *tayyib* yang perlu diberi perhatian, kerana nama bukan hanya untuk tujuan pemasaran dan penjenamaan, tetapi salah satu aspek yang mengundang keberkatan secara kolektif dalam rantaian antara penjual dan pengguna. Paling utama, makanan perlu diperoleh daripada orang yang bertakwa dan disediakan juga dengan takwa. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW pernah bersabda memberi peringatan kepada umatnya:

Terjemahan: Janganlah kamu berkawan melainkan orang yang beriman dan jangan biarkan makananmu dimakan melainkan orang bertakwa.

(Sunan Abu Dawud, 2009, Kitab al-Adab, Bab Man Yu'maru an Yujalis, Hadis: 4832)

Maka, apa yang akan terjadi kepada akhlak masyarakat yang membeli makanan disediakan oleh orang yang tidak menutup aurat, *pondan* ataupun homoseksual? Begitu juga halnya memakan makanan yang digelar dengan nama yang tidak elok, najis atau haram? Sehubungan dengan kebimbangan itu, pendekatan sikap warak diperlukan dalam soal pemakanan. Warak ialah sikap berhati-hati terhadap perkara syubhah kerana takut terjerumus kepada perkara haram. Seluruh perhatian diperuntukkan untuk menghindari perkara haram. Warak melahirkan manusia yang berusaha menghindari segala hal yang tidak bersih, noda dan dosa. Ia melindungi daripada setiap sesuatu yang meragukan dan mencurigakan.

Hakikatnya, penjonjolan perkataan asing yang berbaur negatif dalam bahasa Malaysia berpunca daripada sikap mengagumi jenama luar, walaupun bertentangan dengan arus budaya ketimuran masyarakat tempatan. Paparan perkataan bersifat kontroversi cukup mengundang seribu satu persoalan sekiranya secara terang-terangan tercatat nama-nama ramuan tidak halal pada label produk, sungguhpun telah disahkan halal secara rasmi. Buktinya, terdapat minuman umum di pasaran menggunakan perkataan *beer* dan kehadirannya disambut dengan begitu baik oleh masyarakat tanpa sebarang bantahan konstruktif. Seharusnya setiap penamaan yang dapat memberikan implikasi negatif kepada umat Islam perlu ditukarkan kepada nama yang lebih baik agar ianya tidak menimbulkan masalah kemudian hari (Portal Rasmi Mufti Wilayah, 2016).

Apa yang paling ditakuti adalah ia akan menghilangkan daya kepekaan masyarakat Islam. Penyerapan perkataan yang tidak elok atau haram dalam penggunaan bahasa seharian boleh menjadi tabiat dan normalisasi ke arah penerimaan istilah tersebut secara mutlak. Tahap kekebalan psikologi pengguna akan menjadi tumpul kerana diasah dengan sesuatu yang buruk diterima pakai secara baik. Akhirnya kepekaan masyarakat akan terpadam.

Arahan penukaran nama produk ini berkait rapat dengan aplikasi maqasid Syariah yang telah dibincangkan oleh para ulama melalui dua kaedah iaitu: [Pertama]: pertimbangan antara *maslahah* (*kebaikan*) dengan *mafsadah* (*kemudaratan*) dengan menolak kemungkinan berlaku mudarat yang lain

iaitu *daf'u al-mafasidi muqadammu ala jalbi al-masalih*, yang bermaksud menolak mudarat lebih diutamakan berbanding mendapatkan manfaat dan [Kedua]: *al-maslahatu al-ammatu ala al-maslahatu al-khassah* iaitu mendahulukan *maslahah ammah* (kebaikan yang membawa kepada kepentingan umum) berbanding *maslahah khassah* (kebaikan yang membawa kepada kepentingan peribadi).

Perincian kedua kaedah ini dijelaskan seperti berikut:

### ***Aplikasi Kaedah Pertama: Menolak Mudarat Lebih Diutamakan Berbanding Mendapatkan Manfaat***

Menurut al-Ghazali (1997), *maslahah* adalah perkara yang membawa kepada manfaat atau menghalang kemudaratan. *Maslahah* ini merupakan salah satu kaedah memelihara tujuan-tujuan syari'at (*Maqasid Syariah*). Para ulama Islam telah bersepakat menggariskan lima asas *Maqasid Syariah* yang perlu diperhatikan dalam mempertimbangkan *maslahah* dan *mafsadah* bagi sesuatu perkara. Lima asas *Maqasid Syariah* ini ialah memelihara agama (*hifz al-din*), memelihara jiwa (*hifz al-nafs*), memelihara akal (*hifz al-'aql*), memelihara keturunan (*hifz al-nasl*) dan juga memelihara harta (*hifz al-mal*). Sejar dengan itu, semua perkara yang menggugat dan mengancam lima tujuan syariah ini akan membawa kepada kebinasaan.

Al-Shatibi (t.t.) berkata: “*Jika berlaku pertembungan antara mafsadah dengan maslahah, maka menolak mafsadah adalah lebih utama dan perlu didahulukan kerana syarak lebih mengambil berat dengan larangan berbanding suruhan*”. Perkara yang sama turut disebutkan oleh al-'Izz Ibn 'Abd al-Salam dalam bukunya *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam* ('Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam, t.t). Konsep ini sebenarnya boleh dilihat dengan jelas di dalam al-Quran menerusi beberapa peristiwa, antaranya pengharaman arak dan judi. Walaupun pengambilan arak dan perbuatan judi mempunyai sedikit manfaat, namun menolak kemudaratanya lebih utama kerana dosa kedua perkara itu lebih besar. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

Terjemahan: “Mereka bertanya arak dan judi, katakanlah pada keduanya ada dosa yang besar dan manfaat pada manusia, tetapi dosa kedua-duanya adalah lebih besar”

(Surah al-Baqarah, 2: 219)

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT telah menyatakan bahawa arak dan judi mempunyai manfaat dan mudarat, namun mudaratnya adalah lebih besar. Mudarat arak dan judi berkait rapat dengan salah satu asas *maqasid syariah* iaitu memelihara akal dan memelihara harta, di mana arak dan judi berupaya menghilangkan fungsi akal serta menjadikan seseorang muflis, malah boleh mewujudkan pergaduhan dan menjadikan manusia lupa kepada Allah SWT. Maka, kesan mudarat daripada arak dan judi ini adalah lebih besar berbanding manfaatnya yang boleh memberikan keuntungan dari aspek kewangan kepada para peniaga (al-Qurtubi, 2006; al-'Izz Ibn 'Abd al-Salam, t.t).

Berbalik kepada perbincangan mengenai nama produk halal dengan nama produk tidak halal, pihak JAKIM telah membuat larangan yang tegas terhadap perkara tersebut kerana dikhuatiri ia boleh membawa kepada mudarat yang lebih besar berbanding mengekalkan nama tersebut. Walaupun kebarangkalian untuk produk tersebut tular dan mendapat permintaan yang ramai adalah tinggi melalui pemilihan nama yang unik (haram dan tidak baik) bagi sesuatu produk, namun pihak berkuasa mempunyai mandat untuk melarang sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakat umum demi menegakkan syariat Islam. Jika terdapat pihak yang mengkritik larangan ini dengan mengatakan bahawa mudarat dan manfaat bagi penamaan produk ini adalah pada tahap yang sama atas dasar penamaan produk boleh menjadikan salah satu daripada faktor melariskan jualan sesuatu produk, maka kami mengatakan bahawa apabila ia berada pada tahap yang pertengahan antara mudarat dan manfaat, pihak berkuasa seperti JAKIM turut mempunyai kuasa untuk menentukan peraturan yang bersesuaian berdasarkan peruntukan kuasa yang telah diberikan oleh syarak melalui *siyarah syar'iyah*.

'Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam (t.t.) berkata: “*Jika maslahah lebih besar berbanding mafsadah, maka kita akan mendahulukan maslahah. Namun, jika maslahah dan mafsadah berada pada tahap yang sama, maka seseorang individu boleh dan bebas memilih antara keduanya. Malah, boleh juga memilih pendekatan tawaqquf*”. Berdasarkan pandangan 'Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam ini, memilih pendekatan *tawaqquf* iaitu tidak membuat mana-mana keputusan adalah kurang sesuai lebih-lebih lagi dalam isu

penamaan produk ini. Justeru, kuasa membuat keputusan bagi keadaan pertengahan dan pertimbangan yang seimbang antara *maslahah* dan *mudarat* dalam situasi ini adalah diletakkan di bawah pihak berautoriti yang mengurus hal ehwal agama seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing seperti yang tertakluk di dalam undang-undang.

#### ***Aplikasi Kaedah Kedua: Mendahulukan Maslahah ‘Ammah Berbanding Maslahah Khassah***

*Maslahah ‘ammah* adalah sesuatu kebaikan yang dapat diperolehi oleh majoriti manusia secara umum, manakala *maslahah khassah* adalah manfaat yang hanya diperolehi oleh golongan atau individu tertentu sahaja. Imam al-Shatibi (t.t) berkata syariat ditetapkan demi kemaslahatan urusan dunia dan akhirat manusia sama ada cepat atau lambat. Dalam perbincangan *maslahah*, Imam al-Shatibi membahagikan tiga pembahagian untuk menimbang tara tahap kemaslahatan bagi sesuatu perkara iaitu *Dharuriyyat* (keperluan), *Hajiyyat* (kehendak) dan *Tahsiniyyat* (pelengkap) (al-Shatibi, t.t). Kebiasaannya, *maslahah* ini diaplikasikan dengan mempertimbangkan dan mendahulukan kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi atau golongan tertentu sahaja untuk tujuan mengekalkan ketenteraman awam dan kestabilan masyarakat muslim.

Dalam mendahulukan kepentingan umum ke atas kepentingan peribadi ini dapat dilihat melalui penelusuran sirah pada zaman sahabat, di mana Saidina ‘Umar al-Khattab pernah meminta Nasr Ibn al-Hajjaj untuk mencukur rambutnya kerana ketampanan beliau menyebabkan wanita di Madinah menggilainya. Namun, selepas beliau mencukur rambut, ketampanan beliau semakin terserlah sehingga menyebabkan Saidina ‘Umar meminta beliau berpindah ke Basrah (Abu Nu‘aym al-Asbahaniy, 2009). Berikutan perpindahan beliau ke Basrah, kestabilan emosi wanita di Madinah pada waktu tersebut dapat dikekalkan. Dalam kisah ini, *maslahah ‘ammah* (kestabilan emosi wanita Madinah) didahulukan berbanding *maslahah khassah* (kepentingan peribadi) Nasr Ibn al-Hajjaj.

Dalam hadis lain, Nabi SAW ada melarang perbuatan monopoli dengan mengatakan pelakunya telah melakukan suatu dosa dan kesalahan jika melakukan monopoli dan menyembunyikan barang dalam perniagaan demi mengaut keuntungan berganda. Imam al-Nawawi (1972) membuat komentar terhadap hadis ini dengan mengatakan bahawa larangan monopoli ini adalah pada produk yang menjadi makanan asasi bagi sesuatu lokaliti tersebut. Hal ini kerana, setiap lokaliti mempunyai barangan asasi yang berbeza seperti gandum, beras, kentang dan seumpamanya. Sebagai contoh, peniaga membeli barang asasi dalam kuantiti yang banyak dan dia menyimpan barang tersebut sehingga harga melambung tinggi. Pada waktu tersebut, baru dia menjual barang tersebut kepada pengguna dengan harga yang lebih tinggi. Keadaan yang mendesak menyebabkan pengguna terpaksa membelinya walaupun harganya lebih tinggi berbanding biasa demi meneruskan hidup. Perbuatan ini dilarang keras di dalam Islam bagi mengelak mudarat yang lebih besar kepada manusia secara keseluruhan. Walaupun terdapat *maslahah* kepada golongan peniaga melalui kaedah ini seperti mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda, namun perbuatan ini perlu dijauhi dan dielakkan demi menjaga kepentingan pengguna yang lebih ramai.

Malah, Ibn Rusyd (1988) ada memberikan satu contoh lain dalam kitabnya *Al-Bayan wa Al-Tahsil* berkaitan aplikasi kaedah ini iaitu “*Jika harga makanan di sesebuah kawasan melambung tinggi dan ia menjadi satu keperluan mendesak kepada rakyat, tetapi terdapat beberapa peniaga yang mempunyai makanan tersebut, maka pemerintah boleh mengarahkan peniaga tersebut memberikan makanan kepada rakyat yang lebih ramai*”. Seterusnya, beliau menambah lagi, “*Saya tidak mengetahui pun perbezaan pandangan dari para ulama mengenai kaedah penyelesaian seperti ini*”.

Walau bagaimanapun, terdapat tiga syarat yang perlu dipenuhi dalam mengaplikasikan kaedah *maslahah ‘ammah* dan *khassah* ini, iaitu:

- i. *Maslahah* umum mestilah lebih besar berbanding *maslahah* khusus, seperti *maslahah* khusus yang melibatkan aspek harta manakala *maslahah* umum melibatkan aspek agama. Atau *maslahah* umum berada pada tahap *dharuriyyat* dan *maslahah* khusus berada pada tahap *tahsiniyyat*. Namun, jika situasi berlaku sebaliknya, seperti *maslahah* khusus berada pada tahap *dharuriyyat* tetapi *maslahah* umum berada pada tahap *tahsiniyyat*, maka *maslahah* khusus perlu diutamakan terlebih dahulu berbanding *maslahah* umum. Sebagai contoh, pemerintah meruntuhkan rumah sebahagian penduduk demi mendirikan sesuatu

kemudahan umum yang bukan keperluan asasi penduduk di kawasan tersebut. Maka, dalam situasi ini, pemerintah tidak boleh meruntuhkan rumah di kawasan tersebut dan *masalah* khusus lebih utama kerana pembinaan kemudahan umum tersebut bukan satu keperluan.

- ii. Tidak mampu menggabung kedua-dua *masalah* umum dan khusus tersebut. Sebagai contoh, Nabi SAW pernah menangguk sebarang khutbah yang sedang disampaikan demi menjawab soalan seorang pemuda yang ingin bertanya tentang suatu urusan hukum. Justeru, Nabi SAW menggabungkan kedua-dua *masalah* umum dan khusus kerana hadirin turut mendapat manfaat daripada jawapan yang diberikan oleh Nabi SAW kepada pemuda tersebut. Malah, cara ini adalah lebih baik jika ia mampu dilakukan.
- iii. *Masalah* khusus tersebut boleh digantikan jika *masalah* umum didahulukan, sebagai contoh jika ia melibatkan harta dan makanan. Jika kerajaan mengarahkan peniaga makanan memberikan makanan jualan mereka kepada rakyat disebabkan masalah kekurangan makanan, maka kerajaan perlu menggantikannya dengan duit.

Tambahan lagi, *masalah* dikategorikan kepada tiga jenis iaitu *masalah mu'tabarah*, *masalah mulghah* dan *masalah mursalah*. *Masalah mu'tabarah* adalah *masalah* yang diterima dan diakui syarak melalui dalil wahyu yang diiktiraf seperti al-Quran, Sunnah, Ijmak atau Qiyas. *Masalah* ini diiktiraf, telah ditetapkan hukum untuk mencapainya dan dinyatakan secara jelas serta boleh dijadikan hujah. Contoh bagi *masalah* ini, seruan berjihad demi memelihara tauhid dan agama adalah *masalah* yang *mu'tabarah* walaupun boleh menggadai nyawa (Othman, A. Q., Bakar, M., Yaacob, N. A., Samsuddin, N. A., 2022).

*Masalah ulghah* pula adalah *masalah* yang dilarang dan ditolak oleh syarak walaupun terdapat masalah pada golongan tertentu. Penolakan terhadap *masalah* ini juga dinyatakan secara jelas melalui nas. Contohnya, menyerah diri kepada musuh semasa berperang (berjihad di jalan Allah). Jenis yang ketiga ialah *Masalah Mursalah*. *Masalah* ini adalah *masalah* yang tiada dalil tentang kemaslahatannya dalam al-Quran dan hadis. Dengan kata lain, *masalah* ini tidak diterima dan tidak ditolak. Sebagai contoh, penubuhan penjara bagi penjenayah. Tiada nas yang mensyariatkan penubuhan penjara dan tiada nas yang mengharamkannya. Namun, penubuhan penjara ini dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat sekali gus menolak kemudaratan daripada berleluasa.

Dalam perbincangan ini, arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa JAKIM berkenaan penamaan produk dikategorikan di dalam jenis *masalah mursalah*. Alhasilnya, larangan menggunakan nama yang biasa dirujuk pada makanan tidak halal pada produk halal adalah demi menjaga *masalah* umum agar pengguna khususnya pengguna Muslim tidak berada dalam kekeliruan hingga terkeliru dan menyangka ia dibenarkan oleh Islam. Jika perihal ini dibandingkan dengan *masalah* khusus iaitu keuntungan pada pihak peniaga, maka *masalah* umum dalam situasi ini akan diutamakan dahulu.

Selain itu, kaedah *sadd al-dharai'* iaitu menutup jalan yang boleh membawa kepada *mafsadah* dan kerosakan yang lebih besar juga diaplikasikan dalam hal ini (Mohd Aswadi, M. S., Md Sawari, M. F., Sitiris, M., & Baharuddin, A. S., 2021). Kedua-dua kaedah syarak ini digunakan bagi memastikan masyarakat muslim faham dan sedar bahawa isu penggunaan nama bagi sesuatu produk penting untuk diketengahkan. Maka, ketetapan yang digariskan pihak JAKIM demi kemaslahatan masyarakat khususnya yang beragama Islam. Justeru itu, penamaan produk halal yang dipilih oleh pengusaha perlu seiring dengan syariat Islam agar dapat mengelak sebarang kekeliruan dan kebingungan dalam kalangan masyarakat.

## Kesimpulan

Produk halal yang mendapat pensijilan halal daripada pihak berautoriti menjadi nilai tambah dalam mengkomersialkan produk di pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Ia juga membawa maruah Islam dan menjadi wasilah dakwah secara langsung. Hal ini kerana kriteria yang dilihat oleh pihak berautoriti meliputi kedua-dua aspek yang dinyatakan, iaitu halal dan *tayyib*. Maka dalam pensijilan halal, pihak industri perlu menepati semua syarat-syarat yang dikemukakan sama ada dari aspek halal mahupun *tayyib*. Pemindahan jenama luar kian menular apabila konsep francais giat berkembang dan sangat

menguntungkan. Apa yang dilihat bernilai, bermutu, berjenama dan berpengaruh mesti datang daripada luar. Akhirnya pendedahan masyarakat kepada pengaruh dunia global dan tidak menyaringnya secara saksama menyebabkan masyarakat Islam menelan segala-galanya secara mentah tanpa meneliti kesan sampingan terhadap psikologi masyarakat. Penamaan produk makanan memainkan peranan penting dalam aspek pemasaran, melariskan jualan dan psikologi masyarakat Islam. Oleh itu, pihak berkuasa menetapkan syarat penamaan produk halal mesti bertepatan dengan syariat bagi mendapatkan pensijilan halal. Hal ini demi menjamin keyakinan pengguna terhadap status produk, sekali gus mengelakkan sebarang fitnah dan salah faham berkaitan produk. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada Akta Perihal Dagangan 2011 dan subsidiarinya untuk memberi definisi halal yang lebih komprehensif berlandaskan *syarak*. Selain itu juga pihak JAKIM juga perlu diperuntukkan dengan kuasa yang lebih luas, bukan sahaja meliputi atau mengawal selia persijilan halal, malahan bersama-sama pihak lain dalam membanteras penggunaan nama-nama produk makanan yang mengelirukan masyarakat Islam.

### Penghargaan

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas penganugerahan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2023-030) bertajuk “Pembinaan Modul Profetik Food Safety Terhadap Pengusaha Makanan Di Lembah Klang”. Terima kasih diucapkan kepada Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah atas sokongan dan bantuan sepanjang pengkajian dilakukan.

### Rujukan

- ‘Abd al-Karim Zaydan. (2001). *Al-wajiz fi sharh al-qawaid al-fiqhiyyah fi al-syari’ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ab Halim, M. A., & Mohd Salleh, M. M. (2020). Consumer rights in halal products: A study based on legal and Syariah perspectives. *Food Research*, 4, 281-290
- Abdullah, M., Syed Ager, S. N., Abdul Hamid, N. A., Abdul Wahab, N., Saidpudin, W., Miskam, S., Mohd Shahwahid, F., & Othman, N. (2015). Isu dan cabaran pensijilan halal: satu kajian perbandingan antara Malaysia dan Thailand. *World Academic and Research Congress 2015 (World-Ar 2015)*, 92-110.
- Abu Abd Allah Muhammad Ibn Isma‘il al-Bukhari. (2002). *Al-jami al-sahih al-musnad min hadis rasullillah wa sunanih wa ayyamih (Sahih al-Bukhari)*. t.tp.: Dar Tuq al-Najah.
- Abu Muhammad ‘Izz al-Din Abd al-Aziz ibn Abd al-Salam. (t.t). *Qawaid al-ahkam fi masalih al-anam*. Beirut: Dar al-Ma’arif.
- Abu Nu‘aym al-Asbahaniy. (2009). *Hilyatul auliya' wa thabaqatul asyfiya'*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al- Ghazali. (1997). *Al-mustasfa*. Beirut: Dar al-Ihya’ al Turath al-‘Araby.
- Al-Nawawī. (1972). *Al-minhaj fi sharh Sahīh Muslim*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath.
- al-Qaradawi, Y. (2012). *Halal dan Haram dalam Islam*. Al-Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubī. (2006). *Al-jami’ li ahkam al-Qur’an*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Shatibi (t.t.). *al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Ambali, A. R., & Bakar, A. N. (2014). People’s awareness on halal foods and products: potential issues for policy-makers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 121, 3-25
- Ariffin, M. F. M., (2019). *Isu keselamatan makanan menurut perspektif al-hadis: Analisis terhadap perusahaan kecil dan sederhana di Lembah Klang*. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia].
- Ariffin, M. F. M., Mohd Riza, N. S., Rosele, M. I., & Abdul Hamid, M. F. (2023). Illegal meat cartel in Malaysia: What went wrong?. *Food Research*, 7(3), 128-134.
- Bangka, R. (2016, October 20). “Nama Hot Dog Harus Diganti, Alasannya...Tidak Islami”: JPNN.com <https://www.radarbangka.co.id/rubrik/detail/internasional/14286/nama-hot-dog-harus-diganti-alasannya-tidak-islami>
- Bayan Linnas. (2016, Oktober 31). “Bayan linnas siri ke-73: penamaan makanan dan minuman: status halal dan isunya”: Portal Rasmi Mufti Wilayah. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1109-bayan-linnas-siri-ke-73-penamaan-makanan-dan-minuman-status-halal-dan-isunya>
- Creswell, J. W. (2009). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Ed. Los Angeles: SAGE.

- D. Kanyakumari., & Murad, D. (2016, October 20). “*Jakim Bertemu Wakil Auntie Anne's Isu Halal - Jamil Khir*”: Mstar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/10/20/jakim-jumpa-wakil-auntie-anne>
- Ibn Hajar al-‘Asqalani. (2010). *Fath al-bari bi syarh Sahih al-Bukhari*. t.tp: Dar Tayyibah.
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir Al-Qur’an Al- ‘Azim*. t.tp: Dar Tayyibah.
- Ibn Rusyd. (1988). *Al-Bayan wa al-Tahsil wa al-Sharh wa al-Taujih wa al-Ta’lil li Masail al-Mustakhrijah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- JAKIM. (2014). “*Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014*”: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <https://www.halal.gov.my/v4/images/pdf/MPPHM2014laters.pdf>
- Jamal, A., & Sharifuddin, J. (2015). Perceived value and perceived usefulness of halal labeling: the role of religion and culture. *Journal of Business Research*, 68(5), 933-941.
- Jojie. (2017, April 4). “*Pengusaha Nasi Lemak Pondan Buang Bulu Mata Palsu, Pemerah Pipi*”: Mstar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/04/04/nasi-lemak-pondan-terus-operasi>
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to it methodology*. California: SAGE Publications
- Maifiah, M. H. M., Ahmad, A. N., Azam, M. S. E., Norazmi, A. R. M., & Nawawi, K. A. (2022). Malaysian Muslim consumers’ awareness, confidence, and purchase behaviour on halal meat and its products after the meat cartel scandal. *Food Research*, 6(6), 273 – 279.
- Mochammad Sahid, M., & Awang, M. S. (2020). Konsep Halālan Ṭayyiban Dan Maqāsid Syariah Dalam Penyebelihan Haiwan: Prosedur Operasi Standard (SOP) Pandemik COVID-19 Di Malaysia: Halālan Ṭayyiban Concept and Maqāsid Shari’ah in Animal Slaughtering: A Study on COVID-19 Standard Operating Procedures (SOP) in Malaysia. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 1(2), 55–67. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v1i2.8>
- Mohd Amin, A.- ‘Uyuna, & Zakaria, Z. (2021). ‘Hallyu’ Dan Impaknya Terhadap Pensijilan Halal Makanan Korea di Malaysia: Suatu Penelitian: ‘Hallyu’ and Its Impact Towards Halal Korean Food Certification in Malaysia: A Review. *HALAL REVIEWS*, 1(2), 1–9. Retrieved from <https://halal-reviews.com/index.php/journal/article/view/8>
- Mohd Aswadi, M. S., Md Sawari, M. F. ., Sitrir , M. ., & Baharuddin, A. S. . (2021). Parameter al-Dhari’ah Menurut Perspektif Syari’ah: Parameter of Al-Dhari’ah from The Perspective of Shari’ah. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 2(2), 38–49. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v2i2.19>
- Mohd Fadzli, S. D. N., Wan Harun, M. A. ., Baharuddin, A. S., & Reza Adnan, M. R. A. (2021). Produk makanan ubah suai genetik (GMF) dalam perspektif konsep halalan toyyiban berdasarkan penilaian maqasid hifz an nafs: Genetically modified food products (GMF) in the concept of halalan toyyiban perspective based on the maqasid hifz an nafs evaluation. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(1), 73–85. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol9no1.284>
- Mohd Tahir, S., & Mohd Kashim, M. I A. (2016). Module of Islamic Law regarding genetically modified foods (GMF) and its importance to Muslims. *Jurnal Fiqh*, 13, 89-116.
- MyEhwal. (2016, October 21). “*Nama Yang Jelik Untuk Makanan: Adakah Itu Anjuran Islam Sebagai Halal Lagi Thayyibah?*”: Facebook. <https://ms-my.facebook.com/MyEhwal/posts/nama-yang-jelik-untuk-makanan-adakah-itu-anjuran-islam-sebagai-halal-lagi-thayyi/1790896714481878/>
- Osman, S., Ab Raman, S., & Jalil, A. (2020). Issues in halal food product labelling: a conceptual paper. *Food Research*, 4, 214 – 219
- Othman, A. Q., Bakar, M., Yaacob, N. A., & Samsuddin, N. A. (2022). Penilaian masalah dan mafsadah dalam polemik program vaksinasi kanak-kanak di Malaysia: Assessment of the masalah and mafsadah in the history of the polemic child vaccination program in Malaysia. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 3(2), 1-15. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v3i2.35>
- Portal Rasmi Halal Malaysia. (2020). “*Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020*”: Halal Malaysian Portal. [https://smarthalal.com.my/MPPHM\\_Domestik\\_2020.pdf](https://smarthalal.com.my/MPPHM_Domestik_2020.pdf)
- Prastiwi, R. (2022, April 21). “*Bahan produk halal dan haram menurut MUI*”: PT Surya Kreatindo Mediatama. <https://pwmu.co/239064/04/27/bahan-produk-halal-dan-haram-menurut-mui/>
- Ramli, M. A., Jamaludin, M. A., Aminuddin, A. Q., & Hamdan, M. N. (2015). *Penyebaran maklumat palsu berkaitan produk halal dan implikasinya terhadap industri halal*. In: *Konferensi*



- Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII)*, 2-3 September 2015, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.
- Robson, C. (2011). *Real world research*. Ed. ke-3. Chichester: John Wiley and Sons Ltd
- Roslin, U. H., Razali, M. F. A., Mohd Ghazali, M. I., & Baharuddin, A. S. (2022). Three-dimensional (3D) printed food products from halal forensic perspective: A preliminary review. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10(1), 54–62. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol10no1.382>
- Shuaib, A. (2017, April 4). “Pengusaha Nasi Lemak Pondan Buang Bulu Mata Palsu, Pemerah Pipi”: Mstar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/04/04/nasi-lemak-pondan-terus-operasi>.
- Siregar, A. P. (2019, Julai 30). “Bangkapos.com, Hanya Ada di Indonesia, 8 Makanan ini Dinamai dengan Nama 'Hantu', Ada Bakso Pocong Hingga Genderuwo”: Bangkapos. <https://bangka.tribunnews.com/2019/07/30/hanya-ada-di-indonesia-8-makanan-ini-dinamai-dengan-nama-hantu-ada-bakso-pocong-hingga-genderuwo?page=all>.
- Sommers, S. (2012, Julai 13) “What’s in a Name? What Your Name Says about You (and How It Says It)”: Psychology Today. <https://www.psychologytoday.com/intl/blog/science-of-small-talk/201207/whats-in-a-name>
- Suhaimee, S. (2016, October 19). “Demi Sertifikat Halal, Nama Hot Dog di Malaysia 'Harus Diganti’”: BBC. [https://www.bbc.com/indonesia/dunia/2016/10/161019\\_dunia\\_malaysia\\_hotdog](https://www.bbc.com/indonesia/dunia/2016/10/161019_dunia_malaysia_hotdog).
- Supriyatna, I. (2019, Sept 30). “Suara.com, Jual Makanan dengan Nama Neraka Setan dan Iblis”: MUI: Haram. <https://www.suara.com/bisnis/2019/09/30/054932/jual-makanan-dengan-nama-neraka-setan-dan-iblis-mui-haram>
- White, M. D., & Marsh, E. E. (2006). Content analysis: a flexible methodology. *LibraryTrend*, 55(1), 22-45.
- Zainuddin, M., Sabri, MD., Azemi, A., & Abdullah, A., (2024). Analysis of Halal Certification Management in JAKIM through Public Complaint Feedback. *International Journal of Religion*, 5(1), 1-16.